

## Laluan Pengembangan Pelaburan di Malaysia 1970-1998

**Rizaudin Sahlan**

**Abu Sufian Abu Bakar**

**Abdul Rahim Anuar**

### ABSTRAK

*Ide Laluan Pengembangan Pelaburan (IDP) telah diperkenalkan oleh Dunning pada tahun 1979. Hipotesis IDP menyatakan bahawa terdapat hubungan antara tingkat pembangunan sesebuah negara (diproksikan oleh Keluaran Negara Kasar per kapita) dengan kedudukan pelaburan antarabangnya (stok pelaburan langsung asing (FDI) bersih, iaitu FDI keluar ditolak FDI masuk). Artikel ini adalah bertujuan untuk menguji ide IDP ini bagi kes Malaysia. Hubungan antara pelaburan dengan pembangunan ini akan dilihat berasaskan kajian empirikal bagi tempoh 1970-1998. Tujuannya ialah untuk menentukan sama ada FDI di Malaysia menepati jangkaan seperti apa yang disarankan dalam teorem IDP. Analisis regresi menunjukkan bahawa FDI di Malaysia memasuki tahap 1 dan tahap 2 daripada 5 tahap paradigma IDP dan dapatan ini menyokong paradigma IDP di Malaysia.*

### ABSTRACT

*The idea of an investment development path (IDP) was introduced by Dunning in 1979. The IDP hypothesizes an association between a country's level of development (proxied by Gross Domestic Product per capita) and its international investment position (net outward foreign direct investment (FDI) stock, i.e. outward minus inward direct investment stocks). This articles examines the idea of IDP by relating net FDI to per capita income, for Malaysia. A relationship between investment and development is tested using relevant data from 1970 to 1998. It examines whether Malaysia's FDI follows a similar pattern to the one described by the IDP theorem. The regression results appears to support the claims that Malaysia's FDI entered stage 1 and 2 of the 5 stages of IDP, thereby giving some support to the IDP paradigm.*

## PENGENALAN

Kepentingan pelaburan langsung asing (FDI) kepada ekonomi negara dapat ditunjukkan berasaskan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang telah meningkat daripada 21 peratus kepada 38 peratus bagi tempoh tahun 1980-97 (UNCTD 1999). Malaysia merupakan negara yang ke-16 terbanyak menerima kemasukan FDI pada tahun 1996 (UNCTD 1998). Di kalangan negara-negara membangun, Malaysia menduduki tangga ke-7 berbanding dengan negara China yang merupakan penerima terbanyak FDI pada tahun 1996. Bagi tempoh 1970-94, Malaysia adalah di kalangan 5 negara membangun yang terbanyak menerima kemasukan FDI (UNCTD 1995).

Kemasukan FDI ke Malaysia sebahagian besarnya adalah dari Amerika Syarikat, Jepun, Belanda, Singapura dan United Kingdom. Malahan, Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura merupakan pelabur tradisi dalam konteks perkembangan FDI di Malaysia. Pada tahun 1998 umpamanya, kelima-lima negara ini telah menyumbangkan kira-kira 80 peratus daripada jumlah kemasukan FDI ke Malaysia dan pelaburannya bertumpu dalam sektor pembuatan, khususnya industri elektronik dan industri kimia (Malaysia 1999).

Di samping menerima kemasukan FDI, pelabur tempatan juga turut melabur ke luar negara (*reverse investment*) khususnya ke negara-negara membangun yang lain, antaranya ialah ke Afrika Selatan, Kemboja, China, Vietnam dan Papua New Guinea. FDI Malaysia yang dilabur ke negara luar meningkat daripada RM1.4 bilion pada tahun 1990 kepada RM5.4 bilion pada tahun 1995 (Malaysia 1996). Bagaimanapun, nilai FDI Malaysia adalah kecil jika dibandingkan dengan nilai kemasukan FDI ke Malaysia. Selain itu, sebahagian besar daripada FDI Malaysia yang dilaburkan di negara-negara membangun bertumpu dalam sektor infrastruktur (termasuk pembelian hartanah) dan sektor penjanaan kuasa. Tumpuan FDI Malaysia dalam sektor-sektor berkenaan tentu sekali berbeza dengan corak kemasukan FDI ke Malaysia yang lebih menjurus kepada sektor pembuatan.

Kepentingan aliran keluar-masuk FDI bagi ekonomi negara boleh dilihat berasaskan perspektif laluan pengembangan pelaburan (atau *IDP-Investment Development Path*). Laluan pengembangan pelaburan (IDP) ini dipelopori oleh Dunning (1981) yang cuba menghubungkan antara tahap pembangunan ekonomi sesebuah negara (KDNK per kapita sebagai proksinya) dengan aliran FDI bersih, iaitu FDI keluar ditolak FDI masuk. Ide asas dalam IDP ialah apabila ekonomi sesebuah negara membangun,

persekitaran yang mempengaruhi firma tempatan dan asing akan berubah dan perubahan ini akan mempengaruhi aliran masuk dan aliran keluar FDI.


### LALUAN PENGEMBANGAN PELABURAN (IDP)

Laluan pengembangan pelaburan (IDP) yang diperkenalkan oleh Dunning (1981) merupakan satu pendekatan dinamik berkaitan dengan paradigma pemilikan, lokasi dan faedah pelaburan antarabangsa. Ianya menerangkan hubungan antara tingkat pembangunan ekonomi sesebuah negara (KDNK perkapita sebagai proksinya) dengan kedudukan pelaburan antarabangsa (FDI bersih, iaitu FDI keluar tolak FDI masuk). Teori IDP secara umum menyatakan bahawa aliran FDI (yang diterajui oleh syarikat multinasional) adalah dipengaruhi oleh tingkat pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Andaian asas bagi teorem ini ialah semasa sesebuah negara dalam proses pembangunan, kedudukan firma asing dan tempatan akan mengalami perubahan, dan perubahan ini akan memberi kesan kepada aliran keluar-masuk FDI. Aliran masuk dan aliran keluar FDI ini pula akan memberi kesan kepada struktur ekonomi, yang membawa maksud bahawa terdapatnya interaksi dinamik antara FDI bersih dengan KDNK. Dinyatakan juga bahawa kerajaan boleh mempengaruhi kedudukan negara melalui penyediaan barangan awam yang akan memberi asas kepada daya saing (Buckly dan Casson 1998) dan seterusnya ia akan memberi kesan kepada kedua-dua aliran FDI dan kelebihan pemilikan firma tempatan (Dunning 1988).

Dalam teori IDP, sesebuah negara akan mengalami lima tahap pembangunan (Dunning 1981, 1986; Tolentino 1987 dan Dunning & Narula 1996). Tahap-tahap ini terjelma berdasarkan kecenderungan sesebuah negara sama ada ke arah menjadi penerima FDI atau peneraju FDI dalam pasaran antarabangsa. Kecenderungan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama ialah daya saing firma-firma dalam negara berasaskan kelebihan pemilikan (*O – ownership*) berbanding dengan firma-firma di negara-negara lain. Kedua ialah daya saing yang muncul daripada kedapatan sumber-sumber dalam negara atau dikenali sebagai kelebihan negara (*L – location*) berbanding dengan sumber-sumber yang ada di negara-negara lain. Ketiga ialah bagaimana firma-firma di sesebuah negara itu dapat memanfaatkan sepenuhnya kelebihan *O* dan kelebihan *L* ini dalam mencipta daya saing di pasaran antarabangsa. Penghuraian mengenai IDP ini yang menerangkan hubungan antara pendapatan negara dengan FDI

FDI Keluar Bersih



RAJAH 1. Tren laluan pengembangan pelaburan (IDP)

keluar bersih ditunjukkan seperti rajah di atas yang dilukis hanya sebagai gambaran dan tidak mengikut skala.

Tahap pertama memperlihatkan keadaan pra-perindustrian. Aliran masuk dan keluar FDI hampir-hampir tidak wujud kerana pasaran domestik yang amat kecil, kurangnya infrastruktur, tenaga buruh yang rendah pendidikannya dan kerangka komersialisasi serta undang-undang yang tidak sempurna. Pada tahap ini, kelebihan L bagi negara adalah tidak begitu berkesan dalam menarik kemasukan FDI.

Pembangunan ke atas satu-satu lokasi yang membawa kelebihan khusus (hasil adanya infrastruktur asas dan kesan positif dasar kerajaan) menyebabkan negara beransur-ansur menuju ke tahap kedua. Keadaan ini akan menjana aliran masuk FDI yang tertumpu kepada pasaran tempatan yang mula berkembang dari segi saiz dan kuasa beli. Kebanyakan FDI yang masuk tertumpu dalam industri penggantian import dan industri untuk eksport hasil kesan daripada dasar-dasar kerajaan yang menggalakkan penubuhan industri-industri jenis ini. Bagaimanapun, pelaburan keluar amat sedikit kerana kurangnya kelebihan di kalangan firma tempatan. Aliran FDI masuk yang lebih tinggi berbanding dengan FDI keluar menyebabkan pada tahap ini FDI keluar bersih mencatatkan nilai negatif. Pada peringkat ini juga, stok FDI masuk, meningkat lebih pantas daripada peningkatan dalam KDNK.

Tahap ketiga memperlihatkan pengurangan kepesatan kadar pertumbuhan FDI masuk. Pada tahap ini, FDI keluar mula memainkan peranan penting. Stok FDI keluar bersih buat pertama kali mula menunjukkan aliran yang meningkat. Pada tahap ini keupayaan negara telah dipandu oleh corak pengeluaran barangan yang lebih mementingkan kualiti. Peningkatan pendapatan menjadikan citarasa pengguna menjadi lebih canggih. Pengguna meminta barangan yang berkualiti tinggi dan ini akan menjana daya-saing firma yang menawarkan barangan berkenaan. Kelebihan O firma asing berubah hasil kesan saingan daripada firma tempatan dalam sektor yang sama. Ini mendorong firma asing mencipta daya-saing melalui penggunaan teknologi baru, inovasi pengurusan dan pemasaran bagi menandingi firma tempatan. Motif FDI masuk berubah kepada pencarian kaedah pengeluaran yang lebih cekap dan tidak lagi tertumpu kepada penggantian import semata-mata. Kelebihan O firma tempatan juga berubah hasil kesan persaingan firma asing tadi dan semakin kurang bergantung kepada bantuan kerajaan. Firma tempatan mula menampakkan ciri-ciri firma multinasional, iaitu menyebarkan aset ke luar negara. Kelebihan O firma tempatan hampir menyamai firma asing kecuali bagi sektor yang berteknologi tinggi. Pada tahap ini peranan FDI keluar mula menonjol di kalangan firma-firma tempatan dan FDI keluar akan lebih menuju ke negara-negara yang berada pada tahap IDP yang lebih rendah.

Aliran berterusan seperti yang digambarkan di atas akhirnya akan membawa negara ke tahap keempat, iaitu FDI keluar bersih yang positif. Pada tahap ini, firma tempatan tidak hanya efektif bersaing dengan firma asing dalam pasaran tempatan, tetapi turut berupaya memasuki pasaran antarabangsa. Proses pengeluaran berubah berintensifkan modal kerana kos modal relatif lebih murah berbanding dengan kos buruh. Kelebihan L kini adalah lebih berasaskan kepada penciptaan aset. FDI masuk masih wujud bagi negara tahap keempat atas sebab-sebab yang wajar seperti untuk pelaburan aset. FDI keluar berterusan meningkat selagi firma terus berusaha mengekalkan daya-saing dengan memindahkan operasi pengeluaran (yang kurang daya-saing) ke negara yang berada di tahap yang lebih rendah. Firma akan terus menguasai pasaran antarabangsa untuk mengekalkan kelebihan O melalui FDI berbanding dengan melalui kegiatan eksport. Oleh sebab kelebihan O hampir sama bagi negara-negara di tahap ini, maka pengeluaran intra-industri secara relatifnya akan menjadi penting sepertimana perkembangan perdagangan dalam bentuk intra-industri. Walau bagaimanapun, peranan perdagangan dan pengeluaran intra-industri ini lebih tertumpu di kalangan syarikat-syarikat multinasional (Dunning & Narula 1996).

Akhirnya Dunning (1986) dan Dunning & Narula (1996) telah mengusulkan kewujudan peringkat kelima dalam IDP yang sejajar dengan situasi hari ini bagi kebanyakan negara maju. Dengan kedudukan FDI masuk dan FDI keluar yang tinggi, posisi FDI keluar bersih akan berada disekitar nilai sifar dengan imbalan silih ganti antara nilai positif dengan nilai negatif yang bergantung kepada evolusi jangka pendek kadar pertukaran dan kitaran ekonomi. Selepas satu titik tertentu dalam laluan pengembangan pelaburan (IDP), saiz KDNK semata-mata tidak lagi menjadi asas kepada daya-saing negara, tetapi lebih kepada kedudukan FDI keluar bersih (Dunning & Narula 1996).

## IDP DAN PENGALAMAN NEGARA-NEGARA DI DUNIA

IDP bagi setiap negara memperlihatkan bentuk-bentuk yang berbeza. Perbezaan ini bergantung kepada beberapa faktor seperti kelebihan L yang wujud di sesebuah negara yang menjadi daya penarik FDI masuk, kelebihan O firma tempatan yang akan menjana FDI keluar, pendapatan negara dan juga faktor-faktor lain seperti faktor sosio dan politik (Sanjaya 1996).

Faktor-faktor tersebut akan mempengaruhi aliran keluar-masuk FDI dan seterusnya mempengaruhi bentuk IDP bagi sesebuah negara. Bentuk dan corak keluk IDP bagi negara-negara terpilih ditunjukkan dalam Rajah 1. Negara-negara maju diwakili oleh Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman dan Jepun. Sementara itu, Negara Perindustrian Baru (NIC) diwakili oleh negara Korea, Hong Kong dan Singapura. Data-data FDI dalam kajian ini ialah untuk tempoh 1970 hingga 1997 dan diperolehi daripada UNCTAD (*Handbook of Statistics*) manakala data KDNK diperolehi daripada IMF (*Statistics Yearbook*).

Berdasarkan Rajah 1, terdapat kesamaan dari segi corak dan tren IDP bagi negara-negara tersebut. Ini dapat dilihat bagi negara United Kingdom, Perancis dan Jepun yang mempunyai bentuk IDP yang hampir serupa, iaitu masing-masing berada pada Tahap 4 dan Tahap 5 IDP. Ini menunjukkan bahawa negara tersebut sejak tahun 1970 telah menjana FDI keluar lebih besar berbanding dengan FDI masuk dan dapat dikatakan firma di negara-negara tersebut begitu berdaya-saing dalam pasaran antarabangsa dengan menyebarkan aset ke luar negara.


Jerman dan Hong Kong juga berkongsi corak IDP yang sama. Negara-negara ini berada pada Tahap 4 IDP dan ini ditunjukkan oleh bentuk keluk IDP yang positif dan sentiasa meningkat. Keadaan ini menunjukkan


peningkatan pendapatan menyebabkan aliran FDI keluar menjadi lebih pesat berbanding dengan FDI masuk.

Negara Singapura berada pada Tahap 1, 2 dan 3 IDP dan corak IDP sebegini adalah lebih ditunjukkan oleh negara-negara sedang membangun (Dunning 1982). IDP negara ini memasuki Tahap 3 semasa KDNK per kapita mencecah sekitar US\$12,000. Dengan jumlah penduduk yang hampir tidak berubah dan FDI masuk yang konstant (Takeuchi 1999) menyebabkan bentuk IDP menurun ke bawah pada awalnya sebelum beransur-ansur menunjukkan tren yang positif.

Korea turut menunjukkan corak IDP yang hampir sama dengan Singapura, cuma negara ini telah memasuki Tahap 4 IDP, iaitu mempunyai FDI keluar bersih yang positif. Kemasukan yang begitu cepat negara Korea ke Tahap 4 dalam IDP adalah disebabkan oleh peranan kerajaan negara tersebut yang telah membentuk syarikat-syarikat konglomerat besar yang telah menyumbang kepada FDI keluar yang pesat. Corak IDP bagi Amerika Syarikat pula menunjukkan bahawa negara ini telah melengkapinya kitaran tahap IDP sepenuhnya, iaitu dari Tahap 1 hingga Tahap 5.

Bentuk keluk IDP bagi negara-negara di dunia sama ada mempunyai kesamaan dan sebaliknya adalah bergantung kepada faktor-faktor yang telah disebutkan pada permulaan bahagian ini. Ini menyebabkan, walaupun dua negara itu mempunyai pendapatan per kapita yang sama, tetapi tidak semestinya negara tersebut berada pada kedudukan tahap yang serupa. Ini adalah kerana struktur ekonomi negara, sama ada bersifat negara perindustrian atau negara pertanian (yang kaya dengan sumber-asli) akan mempengaruhi pencapaian tahapnya berdasarkan kepada kedudukan FDI keluar bersihnya (Dunning 1982).





RAJAH 2. Laluan pengembangan pelaburan (IDP) bagi negara-negara terpilih




## ALIRAN KELUAR BERSIH FDI MALAYSIA DALAM KONTEKS IDP


Dalam tempoh kajian, aliran FDI masuk dan FDI keluar menunjukkan tren yang turun-naik (lihat Rajah 3). Tren ini menunjukkan hubungan yang rapat dengan situasi ekonomi negara dan ekonomi antarabangsa. Apabila berlaku kemelesetan ekonomi, seperti pada tahun 1985-86, FDI masuk mengalami kejatuhan dengan ketara. Untuk membangkitkan semula kemasukan FDI, kerajaan telah meliberalisasikan dasar-dasar yang berkaitan dengan FDI terutamanya daripada segi pemilikan ekuiti. Berikutan daripada itu, FDI masuk meningkat dengan ketara pada sepanjang tempoh 1988 hingga 1998 dengan nilai FDI masuk mencatatkan nilai yang tertinggi pada tahun 1997, iaitu RM20 bilion berbanding dengan RM2 bilion pada tahun 1985, iaitu peningkatan sebanyak sepuluh kali ganda.

Bagi aliran FDI keluar, hasil pelaburan pelabur tempatan pula, peningkatannya hanya ketara pada tahun 1987 dan berkembang seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara. FDI keluar mencatatkan nilai tertinggi sebanyak RM5 bilion pada tahun 1995. Bagaimanapun, nilai FDI keluar adalah marginal berbanding dengan FDI masuk. Oleh itu, sepanjang tempoh analisis, stok FDI (keluar) bersih Malaysia menunjukkan tren yang negatif.

Dalam konteks IDP yang dipelopori oleh Dunning, laluan pengembangan pelaburan Malaysia dapat dilihat dengan menghubungkan aliran FDI keluar bersih dengan peringkat KDNK per kapita negara. Berdasarkan



RAJAH 3. Aliran FDI masuk, FDI keluar dan FDI bersih Malaysia



RAJAH 4. Laluan pengembangan pelaburan (IDP) Malaysia, 1970-98

pengamatan terhadap kedua-dua pembolehubah ini, bentuk keluk IDP bagi Malaysia hanya relevan pada Tahap 1 dan 2, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Sejauhmanakah kesignifikan hubungan antara kedua-dua pembolehubah itu akan dibuktikan oleh analisis regresi pada bahagian berikutnya.

#### SPESIFIKASI MODEL DAN DAPATAN KAJIAN

Dunning (1981), Tolentino (1987, 1993) dan Narula (1996) telah menggunakan fungsi kuadratik untuk menerangkan sifat keluk IDP. Walau bagaimanapun, Buckley & Castro (1998) mendapati bahawa fungsi kuadratik yang dicadangkan ini tidak dapat dipadankan dengan bentuk keluk IDP yang diperolehi daripada data negara Portugal (bagi tempoh 1965 hingga 1996). Oleh itu, Buckley & Castro (1998) telah menggunakan dua model yang lebih sesuai dengan bentuk keluk IDP bagi negara Portugal, iaitu:

$$\text{Model A} \quad \text{NFIpc} = \beta_1 + \beta_2 \text{KDNKpc} + \beta_3 \text{KDNKpc}^2 + \mu$$

$$\text{Model B} \quad \text{NFIpc} = \beta_1 + \beta_2 \text{KDNKpc}^3 + \beta_3 \text{KDNKpc}^5 + \mu$$

yang mana NFIpc adalah FDI keluar bersih per kapita; iaitu perbezaan di antara FDI keluar per kapita ditolak dengan FDI masuk per kapita. Sementara itu, KDNKpc adalah Keluaran Negara Kasar per kapita.

Hasil daripada anggaran kedua-dua model ini, didapati Model B lebih sesuai berdasarkan kepada bentuk keluk IDP yang diperolehi (Buckley & Castro 1998: 7). Terdapatnya hubungan negatif antara NFIpc dengan KDNKpc, dan keadaan ini selaras dengan teori IDP.

Berdasarkan data negara Malaysia, pembentukan model yang digunakan untuk penganggaran agak berlainan daripada kajian di atas. Ini kerana bentuk keluk IDP di Malaysia adalah berbeza dengan bentuk keluk IDP dalam kajian-kajian lalu. Bentuk keluk IDPnya ditunjukkan seperti dalam Rajah 4. Keluknya tidak memperlihatkan bentuk kuadratik dan ianya tidak licin. Oleh itu, penganggaran fungsi yang akan dilakukan adalah mengikut pengamatan dan kesesuaian dengan bentuk keluk IDP Malaysia. Selain dari dua model yang digunakan oleh Buckley dan Castro (1998), kami telah mencuba Model C yang difikirkan paling sesuai dan berpadanan dengan bentuk keluk IDP Malaysia seperti yang digambarkan dalam Rajah 4. Modelnya adalah seperti berikut;

$$\text{Model C} \quad \text{NFIpc} = \beta_1 + \beta_2 \text{KDNKpc}^2 + \beta_3 \text{KDNKpc}^3 + \beta_4 \text{KDNKpc}^4 + \beta_5 \text{KDNKpc}^5 + \beta_6 \text{KDNKpc}^6 + \mu$$

#### DATA

Data-data yang digunakan dalam kajian ini kebanyakan diperolehi daripada Akaun Kebangsaan yang telah diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi pada tahun 1999. Antara data-data yang diambil daripada terbitan ini adalah seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar (tahun asas 1987), jumlah penduduk dan kadar pertukaran. Penggunaan nilai KDNK benar adalah untuk mengelakkan daripada pengaruh perubahan besar dalam harga yang berlaku dalam tahun-tahun tertentu akibat kemelesetan ekonomi.

Data-data aliran FDI masuk dan keluar diperolehi daripada UNCTAD (*Handbook of Statistics*). Oleh sebab nilai data FDI yang diterbitkan oleh UNCTAD dalam sebutan Dollar US, maka nilai aliran FDI ini ditukarkan kepada sebutan Ringgit Malaysia (RM) dengan membahagikan nilai FDI tersebut dengan kadar pertukaran semasa. Walau bagaimanapun, data bagi FDI keluar Malaysia hanya bermula pada tahun 1980.

## PENGANGGARAN MODEL

Penganggaran ketiga-tiga model IDP dengan kaedah kuasa dua terkecil ini dilakukan dengan menggunakan perisian Eviews. Hasil penganggaran ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan keputusan analisis regresi yang diperolehi, Model A dan Model B didapati tidak sesuai dengan data Malaysia. Walaupun statistik-t dan statistik-F masih signifikan, terutama sekali bagi Model B, namun padanan model-model ini tidak memuaskan. Ini dapat dilihat daripada nilai  $R^2$  yang amat rendah serta wujudnya masalah autokorelasi dalam kedua-dua model tersebut. Sungguhpun demikian kajian yang dijalankan oleh Buckley dan Castro (1998) di Portugal dengan menggunakan Model B menghasilkan keputusan yang baik. Kesemua ujian t dan ujian F adalah signifikan. Nilai  $R^2$  juga tinggi serta tidak wujud masalah autokorelasi.

Penganggaran Model C memberikan darjah padanan yang sangat baik. Ini ditunjukkan oleh nilai  $R^2$  yang agak tinggi, iaitu 0.789 yang menggambarkan 79% daripada ciri-ciri FDI keluar bersih per kapita (NFIpc) dapat

JADUAL 1. Penganggaran model IDP bagi Malaysia (1970 – 1998)

Parameter	Model A	Model B	Model C
Konstan	447.458 (2.071)*	-30.591 (0.684)	2502.97 (2.921)*
KDNKpc	-0.191 (-2.342)*		
KDNKpc <sup>2</sup>	1.243 (1.764)		-0.002 (-3.488)*
KDNKpc <sup>3</sup>		-2.362 (-4.344)*	9.003 (3.769)*
KDNKpc <sup>4</sup>			-1.921 (-4.043)*
KDNKpc <sup>5</sup>		2.572 (3.742)*	1.854 (4.280)*
KDNKpc <sup>6</sup>			-6.661 (-4.469)*
$R^2$	0.413	0.499	0.789
$R^2$ diselaraskan	0.369	0.461	0.743
F-statistik	9.147	12.974	17.261
Durbin-Watson	0.618	0.904	1.109

Nota: Dalam kurungan adalah statistik-t dan \* signifikan pada aras keertian 5 peratus

diterangkan oleh KDNK per kapita. Kesemua parameter yang dianggarkan secara statistik adalah signifikan seperti yang ditunjukkan oleh statistik-t. Begitu juga keelokan keseluruhan model menunjukkan kesignifikan seperti yang dapat dilihat daripada statistik-F. Namun begitu, statistik Durbin-Watson agak rendah, iaitu 1.109. Nilai Durbin-Watson yang agak rendah ini menunjukkan bahawa terdapatnya masalah autokorelasi yang positif. Bagi mengatasi masalah autokorelasi ini, kaedah lelaran *Cochrane-Orcutt* (CORC) telah digunakan untuk menganggarkan Model C dan keputusan yang diperolehi adalah seperti berikut;

$$\begin{aligned} \text{NFIpc} = & 2948.43 - 0.0018\text{KDNKpc}^2 + 9.422\text{KDNKpc}^3 - 1.941\text{KDNKpc}^4 + \\ & (2.368) \quad (-2.781) \quad (2.983) \quad (-3.186) \\ & 1.816\text{KDNKpc}^5 - 6.3655\text{KDNKpc}^6 \mu \\ & (3.374) \quad (-3.540) \end{aligned}$$

$$R^2 = 0.899 \quad R^2 \text{terselaras} = 0.852 \quad \text{DW} = 2.022 \quad \text{F-statistik} = 19.005$$

Kesemua nilai t (dalam kurungan) adalah signifikan pada aras keertian 5 peratus, begitu juga nilai F yang signifikan. Pekali penentu menjadi lebih tinggi, iaitu 0.89, serta masalah autokorelasi telah berjaya diatasi.

Sungguhpun begitu, penafsiran hubungan di antara NFIpc dengan KDNK per kapita perlu dibuat secara berhati-hati. Ini kerana perubahan dalam KDNK per kapita mewujudkan dua keadaan yang berbeza, iaitu bergantung kepada darjah hubungan antara FDI masuk dengan FDI keluar dan seterusnya kesan akhir terhadap FDI keluar bersih. Walau bagaimanapun, hubungan yang wujud antara FDI keluar bersih dengan KDNK per kapita bagi kes di Malaysia masih relevan dengan teori IDP. Ini bermakna semakin ekonomi sesebuah negara membangun (ditunjuk oleh peningkatan nilai KDNK per kapita), maka semakin banyak FDI keluar yang dibuat oleh negara tersebut berbanding dengan FDI masuk hasil kesan daripada kekuatan daya-saing firma tempatan di peringkat antarabangsa.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan IDP Malaysia berada pada tahap 1 dan 2. Namun, kerajaan boleh memimpin laluan pengembangan pelaburan negara ke tahap yang lebih tinggi, khususnya ke tahap 3. Ini dapat dilakukan dengan memperluaskan insentif kepada firma tempatan untuk menjadi pelabur antarabangsa, justeru mencapai FDI keluar bersih yang positif dan

seterusnya mencapai tahap 4 dan tahap 5 dalam jangka panjang. Pada masa ini, firma tempatan yang bergelar syarikat multinasional ialah Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang telah membuat pelaburan di negara Sudan, Iran dan Burma. Dalam laporan pelaburan dunia, pada tahun 1997 dari segi aset asing, PETRONAS menduduki tangga ke 18 daripada 50 buah syarikat mutinasional yang terbesar di kalangan negara-negara membangun. Di tangga teratas sekali ialah Petroleos de Venezuela, S.A. (Venezuela) dengan aset asingnya bernilai US\$9 bilion. Ini diikuti oleh Daewoo Corporation (Korea Selatan). Bagaimanapun, corak pelaburan keluar negara hanya tertumpu dalam sektor primer. Ini berbeza dengan syarikat-syarikat multinasional yang terbesar di dunia dari segi aset asing, seperti General Electric (Amerika Syarikat) yang bertumpu dalam sektor elektronik dan Ford Motor Company (Amerika Syarikat) yang bertumpu dalam sektor automotif (UNCTD 1999).

Dalam membentuk firma tempatan menjadi syarikat multinasional, kerajaan boleh berpandukan pengalaman dari negara Korea Selatan yang telah berjaya membentuk firma tempatannya menjadi syarikat besar multinasional seperti Daewoo Corporation, LG Electronics, Sunkyoong Group, Hyundai Engineering and Constructions Co., dan Samsung Electronics. Ini bererti campurtangan kerajaan yang lebih aktif amat penting, terutamanya dalam aspek latihan tenaga buruh dalam bidang sains & teknikal dan pembiayaan pembangunan teknologi di kalangan firma tempatan agar dapat menghasilkan produk baru dan berkualiti pada peringkat antarabangsa. Dalam masa yang sama, subsidi eksport kepada firma tempatan juga penting agar harga produknya kompetitif di pasaran antarabangsa. Galakkan yang ada kini bagi firma tempatan untuk melabur ke luar negara adalah dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan 100 peratus bagi mereka yang mengirim balik pendapatan luar negara ke Malaysia (Malaysia 1996). Bagaimanapun, galakan sedemikian masih belum mencukupi. Oleh itu, dasar khusus tentang pelaburan negara bagi penonjolan syarikat tempatan untuk menjadi syarikat nultinational amat wajar digubal.

#### RUJUKAN

- Buckley, Peter J. & Mark Casson. 1998. Models of the multinational enterprise. *Journal of International Business Studies*, 29 (1): 21-44.
- Buckley, Peter J. & Francisco B. Castro. 1998. The investment development path: the case of Portugal. *Transnational Corporations*, vol. 7 (1): 1-15.

- Dunning, John H. 1981. Explaining the international direct investment position of countries; towards a dynamic and development approach. *Weltwirtschaftliches Archiv*, 117.
- \_\_\_\_\_. 1986. The investment development cycle and third world multinationals. Dlm. Khushi M. Khan (Eds.). *Multinationals of the South*. London: Frances Pinter.
- \_\_\_\_\_. 1988. The eclectic paradigm of international production: a restatement and some possible extensions. *Journal of International Business Studies*, 30:1-31.
- \_\_\_\_\_. 1993. *Multinational Enterprises and the Global Economy*. Wokingham and Reading, Massachussets: Addison-Wesley.
- \_\_\_\_\_ and Rajneesh Narula. 1996. The investment development path revisited: some emerging issues. Dlm. John H. Dunning and Rajneesh Narula (Eds.). *Foreign Direct Investment and Governments*. London: Routledge.
- \_\_\_\_\_. 1998. The changing geography of foreign direct investment. Dlm. Kumar (Eds.). *Globalization, Foreign Direct Investment and Technology Transfer*. London: Routledge.
- IMF. 2000. *International Financial Statistics*. N.Y. IMF.
- Junko, Takeuchi. 1999. Foreign direct investment and economic cooperation. Dlm. Sekuguchi Suetō & Noda Makito (Eds.). *Road to Asean-10*. Singapore: ISEAS.
- Lall, Sanjaya. 1996. The investment development path: Some conclusions. Dlm. Dunning & Narula (Eds.). *Foreign Direct Investment and Governments*. London: Routledge.
- Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia ke Tujuh, 1996-2000*. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 1999. *Malaysia International Trade and Industry Report 1997/98*. Kuala Lumpur: MITI.
- Malaysia. 1999. *Petunjuk-petunjuk ekonomi*. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri.
- Narula, Rajneesh. 1996. *Multinational Investment and Economic Structure: Globalisation and Competitiveness*. London: Routledge.
- Tolentino, P & E. Paz Estrella. 1987. The global shift in international production: the growth of multinationals from the developing countries: the Philippines, unpublished thesis, University of Reading.
- Tolentino, P. 1993. *Technological Innovation and Third World Multinationals*. London: Routledge.
- United Nations Conference on Trade and Development (UNCTD). 1995. *World Investment Report 1995*. New York and Geneva: United Nations.
- \_\_\_\_\_. 1998. *World Investment Report 1998*. New York and Geneva: United Nations.

\_\_\_\_\_. 1999. *World Investment Report 1999*. New York and Geneva: United Nations.

\_\_\_\_\_. 2000. *Handbook of Statistics*. New York: United Nations.

Sekolah Ekonomi  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok  
Kedah Darul Aman